

IDEOLOGI MODEN, ISLAM KONTEMPORARI DAN PAN-ISLAMISME

MODERN IDEOLOGY, CONTEMPORARY ISLAM AND PAN-ISLAMISM

Luqman Al-Hakim Mohd Fauzi*

Terengganu Strategic & Integrity Institute Cawangan Kuala Lumpur,
5, Lorong Damai 7, Kampung Datuk Keramat,
55000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia

Ermy Azziaty Rozali

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author’s Email: luqman@tsis.my

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Fauzi, L. A. M. & Rozali, E. A. (2024). Ideologi Moden, Islam Kontemporari dan Pan-Islamisme. *Jurnal ‘Ulwan*, 9(2), 32-46.

ABSTRAK

Ideologi moden merupakan fahaman yang cuba menyongsangkan pemikiran umat Islam daripada landasan akidah yang sebenar. Ia juga dikenali sebagai *ghazw al-fikr* atau serangan pemikiran yang membawa doktrin acuan Barat melalui proses *westernization*. Kemunculan tokoh gerakan dakwah Islamiyyah seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad ‘Abduh, Rashid Rida dan Yusuf al-Qaradawi ternyata membawa misi penting dalam menangkis segala propaganda Barat yang diserap dalam ideologi moden tersebut. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk meneliti perkembangan dan kesan ideologi moden, membahas gerakan dalam melestarikan dakwah Islamiyyah serta menganalisis cabaran yang dihadapi umat Islam era globalisasi. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif melalui pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan. Kaedah dokumentasi digunakan sebagai kaedah pengumpulan data manakala metode induktif dan deduktif pula diaplilikasikan bagi tujuan penganalisan data. Hasil kajian membuktikan bahawa ideologi moden ini sudah lama disebarluaskan oleh puak Barat dan ia jelas mendatangkan kemudaratkan

terhadap pegangan akidah seseorang Muslim. Walaupun begitu, gerakan dakwah Islam kontemporari yang diterajui oleh empat tokoh mujaddid di atas, pada abad ke-19M hingga abad ke-21M telah menggambarkan bahawa Islam memerangi apa jua bentuk falsafah pemikiran yang terpesong dari ajaran tauhid. Justeru, penulisan ini amat signifikan dalam merealisasikan model ummah bertaqwah era moden serta terhindar daripada cengkaman ideologi Barat yang merosakkan iman.

Kata kunci: Ideologi Moden; Islam Kontemporari; Kelestarian Dakwah

ABSTRACT

Modern ideology is a belief system that seeks to redirect Muslims' thinking away from the genuine foundation of faith. It is also known as ghazw al-fikr, or the assault on mind that transforms Western beliefs through the process of westernization. The emergence of personalities in the Islamic missionary movement such as Jamaluddin al-Afghani, Muhammad 'Abduh, Rashid Rida, and Yusuf al-Qaradawi has surely played a significant role in opposing all Western propaganda assimilated into modern ideology. Hence, the purpose of this study is to investigate the evolution and influence of modern ideology and discuss the movement in sustaining Islamic dissemination, and analyze the challenges faced by Muslims in the era of globalization. A qualitative approach is adopted by applying the methods of historical study and document analysis. Documentation methods used as a data collection technique meanwhile, data analysis is also conducted using thematic and deductive methods. The study prove that Western forces have long preached this modern ideologies, which plainly harms a Muslim's faith. However, the contemporary Islamic da'wah movement, led by four mujaddid personalities above, from the 19th to 21th century, demonstrated that Islam opposes any philosophical concept that deviates from Tawhid's precepts. Therefore, this research is extremely important in establishing a model of a pious ummah in the present period and avoiding the hold of Western philosophies that corrupt faith.

Keywords: Modern Ideology; Contemporary Islam; Sustainability of Da'wah

1.0 PENGENALAN

Dalam menongkah arus kemodenan dunia, pelbagai kemajuan telah dikecapi sepanjang menelusuri peradaban manusia terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Perkembangan ini membuktikan bahawa manusia semakin menuju gerbang kepesatan progresif dan dinamik dalam membina sebuah ketamadunan yang gemilang berlandaskan neraca intelektual serta ketinggian ilmu. Transformasi teknologi yang berlaku mendatangkan pelbagai manfaat dalam meneroka kemaslahatan buat ummah dan masyarakat khususnya dalam aspek dakwah serta keagamaan. Walaupun begitu, terdapat satu malapetaka besar yang perlu diberikan perhatian terutamanya oleh umat Islam di alaf baharu, iaitu penularan ideologi moden yang dilancarkan oleh Barat dengan membawa misi penting untuk meranap serta meruntuhkan jati diri dan akidah umat Islam sejagat. Oleh itu, penulisan ini

merungkai perkembangan dan kesan ideologi moden, membincangkan gerakan dalam melestarikan dakwah Islamiyyah serta menganalisis cabaran yang dihadapi umat Islam era globalisasi.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan beberapa orang sarjana mengenai agenda Barat yang berusaha untuk menguasai dan menghancurkan umat Islam secara tersembunyi. Antaranya ialah pandangan Mohd Aizam (2012) yang menghuraikan pengistilahan ideologi moden iaitu suatu bentuk serangan pemikiran (*ghazw al-fikr*). Ia ternyata mempunyai persamaan dengan terma *brain washing*, *thought control* atau *ideological reform*. Di samping itu, Mohd Zamrus (2017) menghujahkan kesan *ghazw al-fikr* atau penjajahan pemikiran terhadap umat Islam iaitu lemah dalam berfikir, tidak mempunyai hala tuju dan pegangan agama yang kukuh, mudah diperdaya dan mampu menjadikan seseorang Muslim itu sebagai liberal. Dalam pada itu, al-Jundi (1993) dan al-Ja’bari (1996) berpandangan serangan pemikiran ini bermula semenjak Barat melancarkan doktrin *westernization* (proses pembaratan). Pada masa yang sama, Mohd Fikri (2017) dan Ismail (2019) menyenaraikan bentuk ideologi moden yang melingkari dunia semenjak dahulu sehingga kini. Antaranya ialah sekularisme, liberalisme, materialisme, humanisme, rasionalisme, empirisisme, skeptisisme, relativisme, ateisme, agnostisme, eksistensialisme, komunisme, sosialisme dan kapitalisme. Fahaman-fahaman yang dinyatakan di atas secara dasarnya menyalahi peranan seorang manusia sebagai hamba Allah SWT.

3.0 SOROTAN LITERATUR

3.1 Konsep Ideologi Moden

Secara asasnya, istilah ideologi berasal dari bahasa Greek yang merangkumi dua perkataan iaitu idea dan logos. Idea ditakrifkan sebagai buah fikiran manakala logos pula bermaksud kaedah. Oleh itu, gabungan dua perkataan ini membentuk satu istilah penting iaitu ideologi, yang membawa makna fahaman yang digunakan atau diimpikan bagi sesebuah dasar pemerintahan dan lain-lain. Adapun definisi moden pula adalah masa kini atau mutakhir (*Kamus Dewan*, 2010). Menurut Zakaria (2015) dalam artikelnya yang berjudul *Ideologi Moden dan Pemikiran Islam: Satu Perbandingan*, ideologi bermaksud segala fahaman dan ‘isme’ yang dicipta oleh Barat lalu disebar ke dalam negara umat Islam menerusi kegiatan penjajahan. Sementara itu, Sulaiman (2013) dalam karyanya *Sejarah Pemikiran 2: Akal dan Wahyu, Manhaj Ahli Sunnah, Muktazilah dan Modernisme* pula menghujahkan bahawa ideologi moden ini adalah fahaman-fahaman yang baharu lahir ketika zaman Renaissance di Eropah bermula pada abad ke-14M sehingga kemuncaknya pada abad ke-18M dan ke-19M.

3.2 Prinsip Pemikiran Islam Kontemporari

Menurut karya al-Bahi (1971) yang berjudul *al-Fikr al-Islami fi Tatawwurihi*, takrifan kepada pemikiran Islam adalah sebagai sebuah usaha akliyah daripada para ulama yang dilaksanakan secara bersungguh-sungguh untuk membahaskan tentang Islam berpandukan sumber al-Qur'an dan al-Sunnah. Sementara itu, 'Abd al-Hamid (1987) dalam kitabnya *al-Fikr al-Islami: Taqwimuhu wa Tajdiduhu*, berpandangan bahawa pemikiran Islam adalah segala sesuatu yang dicetuskan daripada fikrah umat Islam sejak Rasulullah SAW diutus sehingga hari akhirat.

Selain itu, dapatan kajian Mohamad Kamil (1996) bertajuk *Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam* turut menggarap pengertian pemikiran Islam sebagai sebuah gagasan, idea dan fahaman dari perspektif Islam sebagai respons intelektual kepada hakikat Tuhan, manusia, alam, kehidupan, kematian dan kewujudan seluruhnya yang terbentuk hasil pertembungan agama Islam dengan kebudayaan serta peradaban asing, atau tindak balas terhadap kemelut dalaman umat Islam. Wan Adli dan Mohamad Kamil (2005) telah menyimpulkan bahawa pemikiran Islam adalah suatu aktiviti akal yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah dalam mengetahui ilmu berkenaan Tuhan, manusia dan alam daripada perspektif Islam. Selain itu, terma kontemporari menurut Kamus Dewan (2010) bermaksud pada masa yang sama, semasa dan masa kini. Menyentuh konsep pemikiran Islam kontemporari pula, topik yang sering kali mendapat perhatian dan dibincangkan adalah berkenaan aliran pemikiran politik, ekonomi, pendidikan, sosial, kebudayaan dan geopolitik.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan iaitu merujuk kepada kaedah pemerhatian berfokus untuk mencari sumber berbentuk tulisan dan juga kajian sejarah kerana ia bertepatan dengan makalah ini yang mengandungi bahagian kajian tentang tokoh Islah dalam tamadun Islam. Data bagi kajian ini dikumpul menggunakan kaedah dokumentasi berdasarkan sumber seperti buku, bab dalam buku, artikel jurnal, tesis, prosiding seminar dan kajian-kajian lepas. Proses analisis data pula dilaksanakan menerusi kaedah tematik dan deduktif.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Perkembangan dan Kesan Ideologi Moden

Menyingkap lembaran sejarah, tamadun Barat di Eropah telah melalui tiga zaman utama iaitu zaman klasik (*The Classical Period*) iaitu sebelum abad ke-5M, zaman pertengahan (*The Middle Ages*) yang bermula pada abad ke-5M hingga abad ke-17M, dan zaman moden (*The Modern Era*) yang berlangsung pada abad ke-18M hingga kini. Kemunculan ideologi moden ini sangat berkait rapat dengan zaman Renaissance setelah sekian lama tamadun Barat di Eropah bergelumang dalam era kegelapan (*The Dark Ages*) sekitar abad ke-5M hingga abad ke-14M (Sulaiman, 2011; Muhammad Nasron, 2020).

5.1.1 Kronologi Serangan

Serangan ideologi moden ini pada hakikatnya telah melanda kebanyakan negara-negara Islam terutamanya setelah fasa pascakolonial di dunia Islam (Mohd Yusri, 2019). Perkembangan pemikiran dan ideologi Barat ini boleh dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu kelahiran, kematangan dan penjarahan.

(a) Fasa Kelahiran

Fasa kelahiran ideologi moden dikatakan telah bermula setelah kekalahan Barat menentang tentera Islam di Timur dalam Perang Salib VII pada tahun 1297. Kekuatan Islam dalam bidang ketenteraan tidak mampu dipatahkan sama sekali oleh Barat dan mereka mengakui hal tersebut. Malah, Barat turut menyatakan bahawa gabungan antara kekuatan ketenteraan dan pegangan akidah yang mantap sebenarnya mendorong kemenangan besar bagi umat Islam. Oleh sebab itu, Barat telah berusaha melakukan pelbagai kajian bagi mencari sisi kelemahan umat Islam yang boleh dimanipulasikan untuk kepentingan mereka. Gerakan ini dikenali sebagai orientalisme dan ianya ditampung sendiri oleh pihak gereja dan para pemerintah Barat. Watak utama yang menggerakkan usaha orientalisme ini terdiri daripada golongan paderi dan agamawan Kristian sama ada aliran Katolik mahupun Protestan (Hamka, 2017). Antara usaha para orientalis adalah dengan meneroka khazanah ilmu melalui kegiatan penterjemahan buku-buku bahasa Arab terutamanya dalam bidang sains, matematik dan kesusasteraan. Selain itu, gerakan kristianisasi turut seiringan memainkan peranan penting dalam fasa ini. Gerakan ini juga mempunyai persamaan dengan kumpulan orientalisme dari segi pendekatan yang diambil iaitu memberi perhatian terhadap pengajian bahasa Arab dan pengajian Islam. Visi utama gerakan kristianisasi ini adalah menjauahkan umat Islam daripada ajaran Islam yang sebenar. Di peringkat ini, ideologi moden masih baharu dan ‘mentah’ untuk menandingi kekuatan umat Islam (al-Juhani, 1997).

(b) Fasa Kematangan

Fasa kematangan mula berlangsung sebelum abad ke-20M ketika Barat mula agresif menjajah dunia umat Islam. Pada ketika ini, gerakan orientalisme dan kristianisasi sudah bersedia dengan bekalan maklumat sebagai kelengkapan untuk kegiatan penjajahan. Antara impak yang berlaku terhadap negara-negara umat Islam adalah pengecilan dan pemansuhan perundangan Islam lalu digantikan dengan undang-undang sivil yang ditaja oleh penjajah (al-Juhani, 1997). Barat dan gerakan Kristianisasi mula melancarkan serangan yang telah diatur dengan menerapkan ideologi-ideologi moden dalam corak pemikiran umat Islam yang bermasalah. Adapun orientalisme bergerak seiringan melalui peranannya iaitu membina sekolah-sekolah untuk pendidikan anak-anak umat Islam. Silibus pembelajaran banyak menekankan tentang budaya dan berfikir gaya Barat supaya ia disebarluaskan pula kepada masyarakat awam. Bukan itu sahaja, bahkan penerbitan bahan seperti

ensiklopedia, buku, jurnal dan majalah yang menunjukkan kewibawaan orientalisme ini turut diperluaskan (Muin, 2012).

(c) Fasa Penjarahan

Pada abad ke-20M hingga abad ke-21M, Amerika Syarikat telah mencetuskan satu gelombang dunia baharu atas nama *globalization*. Secara asasnya, gagasan globalisasi ini telah memperkenalkan konsep dunia tanpa sempadan. Ia secara tidak langsung memudahkan penyebaran ideologi moden yang dipimpin oleh Barat meresap masuk dalam negara-negara umat Islam melalui sektor politik, ekonomi, budaya dan agama. Disebabkan itu, tokoh ulama kontemporari, iaitu al-Qaradawi (2000) telah menjenamakan proses globalisasi ini sebagai satu penjajahan baharu dan moden. Dunia kini telah menyaksikan ancaman penjarahan dihadapi oleh umat Islam yang didalangi oleh Amerika Syarikat, Zionis dan Barat. Hal ini dapat dilihat menerusi sekatan kebebasan berpolitik yang dialami oleh negara-negara umat Islam seperti Palestin, Algeria, Mesir dan Turki (Ahmad Mujahideen et al. 2021a; Ahmad Mujahideen et al. 2021b). Adapun penjarahan dari segi ekonomi juga turut berlaku apabila sumber dalam negara umat Islam seperti minyak, timah dan emas telah dirampas melalui kaedah diplomasi dan juga kekerasan. Bahkan, Barat turut campur tangan dalam sistem perbankan negara-negara umat Islam dengan menjanjikan keadilan dan kesamarataaan (al-Qaradawi, 2000).

5.1.2 Implikasi Aliran Ideologi Moden terhadap Umat Islam

Pengaruh yang meresap hasil daripada penyebaran ideologi-ideologi moden ini telah menatijahkan implikasi serta kesan yang negatif terhadap umat Islam sedunia. Antaranya ialah pemisahan hidup dari ajaran Islam. Kesemua ideologi dan aliran moden yang dibawa oleh Barat pada hakikatnya meletakkan jurang yang besar antara kehidupan manusia dengan ajaran suci agama Islam. Menurut Barat, kehidupan seseorang insan itu ditentukan oleh akal dan diri mereka, bukan dipandu oleh agama kerana ia tidak memahami keperluan kemajuan dalam kehidupan manusia (Muhammad, 2018). Seterusnya, umat Islam akan terjerumus dalam mengamalkan budaya *al-Tatbi’*. Secara definisinya, *al-Tatbi’* adalah perbuatan menjadikan sesuatu yang tidak sepatutnya sebagai sesuatu yang biasa (tabiat) dan diterima oleh semua lapisan masyarakat (al-Qaradawi, 2000). Di samping itu, pengaruh ideologi moden ini juga mampu menjatuhkan kredibiliti agama Islam. Sementara itu, impak perpecahan kesatuan umat Islam juga akan berlaku sekiranya ideologi moden ini berjaya meresapi pemikiran dan kehidupan sehari-hari.

Al-Qaradawi (2000) telah mencerakinkan kepada tiga golongan yang berdepan dengan cabaran ideologi moden ini. Kumpulan yang pertama ialah golongan yang bersetuju dan menerima ideologi moden dengan sepenuh hati atas alasan kemodenan. Golongan kedua pula cenderung ke arah menolak secara total manakala kumpulan ketiga bersikap pertengahan dengan tidak melebihi dunia atau tidak menolak apa yang berada di depan mata. Pada hakikatnya, golongan ketiga ini sebenarnya yang berada pada landasan yang tepat kerana menjadikan dunia sebagai jambatan atau *wasilah* menuju ke akhirat. Allah SWT juga telah menyatakan dalam

al-Qur'an tentang kesitimewaan golongan ini yang digelarkan sebagai *ummatan wasatan* (umat pertengahan). Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 143 yang mafhumnya (Abdullah, 2022): “*Dan demikianlah Kami jadikan kamu sebagai umat pertengahan (adil) agar kamu menjadi saksi bagi manusia lain, dan Rasulullah menjadi saksi bagi kamu*”.

5.2 Gagasan Pan-Islamisme dan Pembaharuan dalam Islam

Subtopik ini menelusuri secara holistik berkenaan perjuangan tokoh dan ulama Islam kontemporari abad ke-19M hingga ke-21M dalam mendepani serangan ideologi moden.

5.2.1 Perjuangan Islah Jamaluddin Al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Rida

Konsep islah boleh ditakrifkan sebagai usaha ke arah memperbaiki sesuatu keadaan yang telah rosak atau tersasar dari jalan yang sebenar (Hamidah et al., 2021). Antara tokoh pemikir dan intelektual yang menggerakkan usaha islah di selata dunia ini ialah Jamaluddin al-Afghani, Muhammad ‘Abduh serta Rashid Rida yang senada membawa bentuk perjuangan mengangkat semula kedudukan Islam dan umatnya.

(a) Jamaluddin al-Afghani

Beliau merupakan tokoh pembaharuan yang hidup pada abad ke-19M. Pemikirannya memfokuskan kepada perjuangan untuk mengembalikan semula kegembilan umat Islam yang pada ketika itu berada di bawah cengkaman penjajah. Beliau juga giat menjelajah dan mengembara hampir ke seluruh pelusuk dunia termasuk benua Asia, Afrika dan juga Eropah bagi menyampaikan buah fikirannya (Landau, 1990). Sumbangan terbesar al-Afghani dalam melonjakkan semula martabat Islam dalam bidang politik Islam adalah melalui gagasan Pan-Islamisme yang dicetuskannya (Haim, 1976). Secara takrifannya, Pan-Islamisme ini bermaksud satu ideologi yang bertujuan menumpukan usaha kepada penyatuan seluruh masyarakat Muslim dunia dalam satu entiti Islam yang sama. Ia juga dikenali dengan terma *al-Wihdah al-Islamiyyah* dalam bahasa Arab yang bermaksud kesatuan Islam (Bearman, 1992). Usaha ini turut disampaikan kepada Abdulhamid II, iaitu khalifah Uthmaniyyah terakhir yang berkuasa mutlak ketika kunjungannya ke Istanbul pada tahun 1890-an. Abdulhamid II menyambut baik cadangan ini lalu membenarkan al-Afghani untuk meneruskan ekspedisi mengembangkan gagasan tersebut sehingga dilantik sebagai pengurus biro polisi Pan-Islamisme (Stoddard, 1966).

Antara intipati penting yang diketengahkan al-Afghani menerusi projek Pan-Islamisme adalah hanya Islam sahaja yang memungkinkan ikatan yang kukuh kepada kesatuan Muslim sedunia (al-Afghani & ‘Abduh, 1958). Dalam menjayakan gerakan ini, al-Afghani telah menerbitkan majalah *al-Urwah al-Wuthqa* dengan bantuan anak muridnya yang terkenal iaitu Muhammad ‘Abduh ketika berada di Paris. Majalah ini merupakan manifestasi kepada gagasan yang digerakkan oleh beliau berkisarkan masa hadapan politik umat Islam di seluruh dunia (Azman &

Mahyuddin, 2007). Di samping itu, penulisan makalah *al-Wihdah al-Islamiyyah* nukilan al-Afghani turut menyinggung tentang kepentingan umat Islam untuk bersatu padu menentang penceroboh asing bagi mengecapi kehidupan yang lebih baik. Beliau turut menyokong wawasan mewujudkan semangat kebangsaan (*jinsiyyah*) dan cintakan tanah air yang merdeka (*wataniyyah*) (Keddie, 1983).

(b) Muhammad ‘Abduh

‘Abduh merupakan anak murid kepada al-Afghani dan juga tokoh islah yang turut sama melancarkan usaha dalam menyemarakkan semula kegemilangan Islam melalui reformasi terhadap sistem pendidikan. Pemikiran ‘Abduh tentang pendidikan dikatakan pencetus kebangkitan umat Islam di awal abad ke-20M. Falsafah Abduh yang disebar luaskan melalui penulisannya dalam majalah *al-Manar* dan *al-Urwah al-Wuthqa* menjadi rujukan para tokoh pembaharu dalam dunia Islam (Komaruzaman, 2017). Antara gagasan yang digariskan oleh ‘Abduh dalam memperbaharui sistem pendidikan umat Islam adalah kesepaduan antara ilmu agama dan ilmu umum. ‘Abduh turut menyatakan bahawa keperluan kepada rentas disiplin ilmu antara kurikulum madrasah dan sekolah biasa agar jurang pemisah antara kaum, ulama dan ilmuwan kontemporari boleh dihapuskan. Hal ini telah dilaksanakan menerusi sistem kurikulum di al-Azhar dengan mengkaji semula struktur pendidikan di sana. Selain itu, ‘Abduh turut berusaha mengembangkan institusi pendidikan dengan mendirikan sekolah khusus untuk tenaga pengajar dalam bidang pentadbiran, ketenteraan, kesihatan, perindustrian dan seumpamanya. Hal ini memudahkan ‘Abduh untuk menerapkan silibus pembelajaran agama, sejarah dan kebudayaan Islam. ‘Abduh berpandangan bahawa, bagaimana mungkin ilmu Islam itu mampu disuburkan ke dalam jiwa sekiranya anasir-anasir luar telah disemai dalam fikrah umat Islam.

Menerusi aspek kurikulum pula, ‘Abduh menekankan kepada tiga fasa pendidikan iaitu bermula daripada peringkat sekolah rendah dengan ilmu agama dan tauhid. Di peringkat sekolah menengah pula, anak-anak diajarkan tentang ilmu falsafah dan tamadun Islam manakala peringkat yang terakhir iaitu pendidikan tertinggi, pengajian lebih bersifat kritis dan berfokus dengan penambahan terhadap ilmu-ilmu moden seperti sains dan matematik sesuai dengan keperluan pada ketika itu (Nizar, 2007; Nata, 2012). Usaha ‘Abduh yang terakhir dalam sistem pendidikan umat Islam adalah mereformasikan metode dan kaedah pengajaran. ‘Abduh melihat bahawa perlunya penambahbaikan iaitu mengintegrasikan metode hafalan dengan kaedah rasional serta pemahaman terhadap ilmu tersebut. ‘Abduh turut mengusulkan agar dihidupkan semula metode *munazarah* (debat), melazimi rutin ilmiah serta menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu (Nata, 2012).

(c) Rashid Rida

Secara umumnya, Rashid Rida merupakan antara tokoh pembaharu yang rancak dalam memperjuangkan slogan islah ketika abad ke-20M. Beliau mula melibatkan diri dalam perkembangan dunia Islam hasil pengaruh majalah *al-Urwah al-Wuthqa* yang dikarang oleh guru-gurunya, iaitu al-Afghani dan ‘Abduh. Pada tahun 1896,

Rashid Rida telah menuju ke Mesir untuk berguru dengan ‘Abduh dan juga bergabung tenaga bagi melestarikan matlamat gagasan Islam terhadap ummah (al-Sharabasi, 1970). Rashid Rida memanfaatkan pengalamannya sebagai seorang penulis yang produktif, ahli politik yang berwibawa serta kesepaduan ilmunya dalam bidang tafsir, hadith, sastera dan sejarah untuk menggerakkan usaha islah ini. Menerusi nukilan beliau dalam majalah *al-Manar*, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan masyarakat Islam pada ketika itu mundur dari segi politik, ekonomi, sosial dan agama. Antaranya ialah disebabkan oleh keruntuhan akhlak dan ketaasuhan terhadap pegangan mazhab (Norahida & Mohamad Zaidin, 2017; Mustaffa, 2005).

Berdasarkan permasalahan berikut, beliau telah mengemukakan cadangan penambahbaikan dan islah bagi memastikan umat Islam kembali bernaafas dalam kehidupan yang baharu mengikut landasan syariat. Antaranya ialah mengislahkan pemerintah yang *fasid* melalui ummah yang terdidik. Di samping itu, Rashid Rida turut menyeru kepada para ulama dan pemikir Islam supaya memainkan peranan mereka dalam membangunkan masyarakat Islam yang berilmu (Darniqah, 1989). Pada masa yang sama, Rashid Rida turut tidak ketinggalan dalam memperjuangkan gagasan Pan-Islamisme. Pemikiran Rashid Rida terhadap polisi Pan-Islamisme ini lebih terarah kepada menjunjung institusi khalifah yang pada ketika itu ditadbir oleh Abdulhamid II. Beliau bersama gurunya, ‘Abduh telah menerbitkan majalah *al-Manar* sebagai reaksi sokongan terhadap gagasan ini dan menentang segala bentuk penjajahan dari Barat (Siti Nurul Izza & Ermy Azziaty, 2013).

5.2.2 Fikrah Yusuf Al-Qaradawi sebagai Tokoh Mujaddid Kontemporari

Yusuf al-Qaradawi merupakan ulama kontemporari dan tersohor abad ke-20M hingga abad ke-21M. Zulkifli (2013) dalam makalahnya menukilkkan gelaran penting buat al-Qaradawi iaitu ‘ulama rakyat’ dan *public intellectual*. Ia merujuk kepada sumbangan pemikirannya yang meluas dan terpakai untuk manfaat semua golongan tidak kira sama ada rakyat biasa mahupun pemimpin. Di samping itu, ulama rakyat juga haruslah mempunyai ciri-ciri *Big Brains, High Impact* (Jacoby, 2008).

Al-Qaradawi merupakan ilmuwan yang menguasai pelbagai disiplin ilmu seperti akidah, al-Qur'an dan al-Sunnah, usul al-fiqh, ibadah, hal-ehwal kekeluargaan, kemasyarakatan, ekonomi dan kewangan, perubatan dan politik (Talimah, 2000). Pelbagai karya ilmiah telah dihasilkan oleh beliau sepanjang hayatnya dan kebanyakannya telah diterjemah ke dalam bahasa-bahasa seperti melayu dan inggeris. Antaranya ialah seperti *Fiqh Zakat*, *Fiqh Kenegaraan* serta *Agama dan Politik* (Zulkifli, 2013). Selain sumbangannya dalam bidang keilmuan, beliau turut melibatkan diri dengan gerakan al-Ikhwan al-Muslimin sejak di peringkat sekolah menengah (al-Qaradawi, 2000). Beliau juga komited dengan aktiviti dan inisiatif dakwah khususnya dalam program televisyen seperti rancangan *Nur wa al-Hidayah*, *al-Shari'ah wa al-Hayah* dan *Huda al-Islam* yang mendapat sambutan jutaan umat Islam di seluruh dunia (Mohd Rumaizuddin, 2012).

Al-Qaradawi juga telah memperkenalkan beberapa kaedah penting seperti konsep *wasatiyyah*, *maqasid al-Shari'ah*, *fiqh al-Awlaiyyat* dan banyak lagi. Di samping itu, beliau turut menggagaskan pendekatan dinamik untuk masyarakat

memahami bidang syariah melalui beberapa prinsip *fiqh* dan *manhaj* yang beliau anjurkan. Antaranya ialah *fiqh al-Nusus*, *fiqh al-Waqi'*, *fiqh al-Muwazanat*, *fiqh al-Awlawiyat*, *fiqh al-Taghayyur*, *fiqh al-Jihad*, *fiqh al-Thawrah*, *fiqh al-Iqtisad al-Islami*, *fiqh al-'Aqalliyyat*, *fiqh al-Wasatiyyah*, *fiqh al-Da'wah* serta *Manhaj al-Salafi* (Zulkifli, 2013). Jelaslah bahawa pendekatan yang diketengahkan oleh al-Qaradawi amat bersesuaian dengan *waqi'* semasa dan diterima oleh ummah sejagat. Anasir-anasir yang cuba diselitkan oleh Barat untuk menggugat keyakinan umat Islam juga semakin sukar ditembus oleh kerana kefahaman yang jelas serta penghayatan yang mendalam terhadap agama tauhid ini.

5.3 Cabaran Umat Islam Era Moden

Ideologi-ideologi moden yang sememangnya menatijahkan kesesatan terhadap manusia merupakan satu ancaman besar buat umat Islam. Pada masa sama, terdapat banyak pengaruh yang dibawa oleh Barat khususnya dalam menyemai budaya mereka ke dalam kehidupan seharian umat Islam agar ianya menjadi satu kebiasaan dan terlihat normal (al-Ja'bari, 1996).

5.3.1 Pengaruh Budaya Barat

Situasi ini dapat dicerakinkan kepada beberapa fenomena atau gejala sosial yang melanda. Antaranya ialah pengaruh seks bebas dalam kalangan belia dan remaja. Jika ditelusuri secara terperinci, seks bebas ini adalah salah satu daripada strategi Barat bagi merosakkan generasi modal insan umat Islam (al-Qaradawi, 2000). Selain itu, fenomena LGBT atau hubungan songsang juga merupakan budaya barat yang cuba ditanamkan dalam kehidupan umat Islam. Secara asasnya, akronim LGBT ini adalah lesbian, gay, biseksual transgender yang masing-masing membawa makna yang tersendiri (Maisarah & Nur Zainatul, 2022).

Selain itu, Barat turut meracuni pemikiran umat Islam menerusi budaya hedonisme iaitu pegangan atau pandangan hidup yang mengutamakan keseronokan hidup. Budaya ini memaparkan sikap individu yang suka berhibur secara berlebihan sehingga mengabaikan tanggungjawab sebagai khalifah. Barat juga turut membudayakan hak kesaksamaan gender yang perlu diperjuangkan termasuk oleh dunia Islam. Agenda ini dijadikan sasaran terhadap wanita dalam menuntut hak dan kesamarataan seperti yang diberikan kepada kaum lelaki (Mohd Roslan, 2011). Sementara itu, menormalisasikan budaya liberal daripada Barat ke dalam agama Islam juga merupakan cabaran yang perlu dihadapi pada hari ini. Dalam konteks agama Islam, para pemikir yang cenderung ke arah kebebasan dalam agama disebut sebagai Islam liberal. Pemikir-pemikir liberal mendakwa bahawa hukum hakam yang telah ditetapkan oleh pengasas-pengasas mazhab tidak seharusnya dipatuhi semuanya, bahkan ia hanya pandangan pengasas-pengasas tersebut sahaja yang belum tentu tepat dan relevan dalam kondisi semasa (Mohd Roslan, 2011).

5.3.2 Pembentukan Konsep Kesederhanaan

Bagi menangani segala bentuk serangan ideologi yang didoktrinkan oleh puak Barat, umat Islam pada hari ini perlu sentiasa bersikap pertengahan dan bersederhana kerana sifat inilah yang diperintahkan oleh Allah SWT seperti mana yang dihuraikan pada subtopik sebelum ini. Justeru, konsep kesederhanaan yang diajarkan oleh Islam ini perlu sentiasa diberikan perhatian bagi memperkemaskan diri mendepani ranjau kesesatan. Antara keistimewaan Islam sebagai agama kesederhanaan ini adalah memenuhi kemahuan fitrah manusia tanpa bertentangan dengan akal. Di samping itu, Islam juga merupakan agama yang tidak menyekat kemajuan moden. Jika ditelusuri lembaran sejarah silam, tamadun Islam pada hakikatnya telah mencapai kemajuan yang akhirnya dicedok ilmu tersebut oleh Barat ketika zaman kegelapan mereka (*The Dark Ages*). Hal ini dapat dilihat sewaktu zaman keemasan Islam khususnya ketika pentadbiran Abbasiyah di Baghdad dan al-Andalus di Semenanjung Iberia ketika kegiatan keilmuan dan penterjemahan giat dilaksanakan merentasi benua di dunia (Hafiz, 2019).

5.3.3 Usaha Renaissance Islam ke Arah Kemajuan dan Peradaban

Pelbagai persoalan telah timbul iaitu, adakah Islam kini berada pada zaman *dark ages*? Adakah umat Islam berkehendak pada *renaissance* untuk mencipta semula kegemilangan seperti dahulu? Hakikatnya, istilah *dark ages* untuk Islam tidak terpakai sama sekali kerana panduan agung iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah sentiasa memandu umatnya menggapai cita-cita *renaissance* dan kebangkitan sejak ia diturunkan pada awal abad ke-7M lagi. Kebangkitan yang dimaksudkan ini bukanlah mengikut acuan *renaissance* yang dilalui oleh Barat, bahkan *renaissance* dalam Islam berpaksikan al-Qur'an dan Hadith yang membawa perubahan terhadap bangsa Arab yang lemah pada masa itu menjadi pemimpin dunia yang hebat sehingga disegani tamadun yang lain. Namun demikian, pegangan dan penghayatan yang lemah terhadap kesucian al-Qur'an barangkali menjadi faktor umatnya sukar untuk menggapai zaman kegemilangan seperti dahulu. Melihat realiti pada hari ini, terdapat pelbagai usaha yang digerakkan oleh umat Islam untuk kembali ke tahap itu. Antaranya ialah menerusi gerakan al-Ikhwan al-Muslimin di Mesir yang dipimpin oleh al-Shahid Hasan al-Banna. Beliau menyeru agar umat Islam sedunia kembali mengamalkan ajaran Islam yang betul dan mengeratkan ukhuwwah sesama Muslim. Tokoh intelektual Badiuzzaman Sa'id Nursi, menerusi *Risalah al-Nur* turut memainkan peranan dalam menentang sekeras-kerasnya penjajahan yang dilakukan Barat dalam mencabar ketuanan Islam serta menyebarkan ideologi nasionalisme dan sekularisme pada awal abad ke-20M di Turki (Muhammad Nasron, 2020).

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, ideologi Barat kini boleh dikatakan sebagai siri dan versi jahiliah moden yang pernah ditentang suatu ketika dahulu oleh Nabi Muhammad SAW ketika penyebaran risalah dakwah di Makkah. Jahiliah ini bukan hanya terjadi di tanah Arab pada abad ke-7M sahaja, bahkan ia berlaku setiap kali manusia memilih

kesesatan berbanding hidayah agama yang disampaikan kepada mereka. Oleh yang demikian, umat Islam seharusnya peka dan sentiasa cakna dengan serangan-serangan jahat ini agar tidak terpengaruh dengan doktrin yang dibawa. Barat yang didalangi oleh Yahudi dan Nasrani tidak akan pernah berhenti untuk menghancurkan benteng akidah umat Islam. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 120 yang mafhumnya (Abdullah, 2022): “Dan orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju kepada kamu (wahai Muhammad) hingga kamu mengikut agama mereka (yang telah terpesong itu)”.

Sumbangan Pengarang

Fauzi, L. A. M. Pengenalan, Pernyataan Masalah dan Perbincangan. Rozali, E. A. Semakan dan suntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- al-Afghani, al-Din, J. & Muhammad, A. (1958). *al-‘Urwah al-Wuthqa wa al-Thawrah al-Tahririyah al-Kubra*. al-Qahirah: Dar al-Katib al-Misr.
- al-Lawi, M. A. & Solihi, N. (t.t.). *Istrarijiah al-Tamwil Mtnahi al-Songhir al-Islami FI JazairLitahqiq al-Tamniyah al-Mustadamah-Dirasah Halah Sonduqak-Zakah bil Jazair*. al-Jazair: Jamiah al-Wadi.
- al-Ja’bari & Muhammad, H. (1996). *Gerakan Kebangkitan Islam*. Terj. Solo: Duta Rahman.
- al-Juhani & Māni‘ ibn Ḥammād. H. (1997). *al-Mawsu‘ah al-Muyassarah fi al-Adyan wa al-Madhhabit wa al-Ahzab al-Mu‘asirah*. Riyad: Dar al-Nadwah al-‘Alamiyyah.
- al-Jundi & Anwar. (1993). *Pembaratan di Dunia Islam*. Terj. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Abdullah, M. (2005). Ketokohan Sayyid Muhammad Rashid Rida dalam bidang tafsir: Tumpuan utama kepada Tafsir al-Manar. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Ali, M. Z. M. (2017). Menangkis Fahaman Islam Liberal. Khutbah Jumaat Masjid Al Malik Khalid, Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia. 14 September.
- Ahmad, A. S. (1970). *Rashid Rida Sahib al-Manar ‘Asruhu wa Hayatuhi wa Masadir Thaqafatihi*. al-Qahirah: Majlis al-A‘la al-Shu‘un al-Islamiyyah.
- Basmeih, A. (2022). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Edisi Rumi Baharu. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia.
- Bearman, P. J. (1993). *The Encyclopedia of Islam*. Jil. II. Leiden: E.J. Brill.

- Chapra, M. U. (1993). *Islam and Economic Development: A Strategy for Development with Justice and Stability*: International Institute of Islamic Thought.
- Darniqah & Muhammad, A. (1989). *al-Sayyid Muhammad Rashid Rida: Islahatuhu al-Ijtima‘iyyah wa-al-Diniyyah*. Tripoli: Dar al-Iman.
- Daud, Z. (2015). Ideologi Modern dan Pemikiran Islam: Satu Perbandingan. *Prosiding Seminar Pemurnian Akidah 2015, Peringkat Negeri Kelantan*.
- Ghazali, M. R. (2012). *Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Haim, S. (1976). *Arab Nationalism: An Anthology*. Los Angeles: University of California Press.
- Hamka. (2017). *Tafsir al-Azhar*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Hashim, S. N. I. & Rozali, E. A. (2013). Perjuangan Rashid Rida dalam gagasan Pan-Islamisme. *International Journal of West Asian Studies*, 5(1), 27-40.
- Hasan, Z. (2013). Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1), 51-66.
- Hussain, M. F. C. (2017). *Awas Ancaman Orientalis terhadap Kita*. Kuala Lumpur: Karangkraf Sdn. Bhd.
- Ibrahim, M. Y. (2019). Sekularisme: Faktor, Penyebaran dan Langkah Mengatasinya dari Sudut Pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(8), 202-216.
- ‘Isam, T. (2000). *al-Qaradawi Faqihān*. al-Qahirah: Dar al-Tawzī‘ wa al-Nashr.
- Jacoby, R. (2008). Big Brains, Small Impact. The Chronical of Higher Education. Akses pada <https://www.chronicle.com/article/big-brains-small-impact/>
- Jalani, H., Kadir, N. A. A. & Ahmad, N. N. N. D. (2021). Pemikiran Islah Yusuf Rawa dalam Majalah al-Islah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3(2), 14-33.
- Kamus Dewan. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keddie, N. R. (1983). *An Islamic Response to Imperialism: Political and Religious Writings of Sayyid Jamal al-Din al-Afghani*. Berkeley: University of California Press.
- Komaruzaman, K. (2017). Studi pemikiran Muhammad Abduh dan Pengaruhnya Terhadap Pendidikan di Indonesia. *Tarbawi*, 3(1), 90-101.
- Landau, J. M. (1990). *The Politics of Pan Islam: Ideology and Organization*. Oxford: Clarendon Press.
- Mahmud, M. & Zainol, N. Z. N. (2022). Fenomena LGBT di Malaysia: Analisis Faktor dan Kaedah Pemulihan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, 23(3): 136-147.
- Majid, M. K. A. (1996). Skop, sejarah dan aliran pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*, 5, 111-136.
- Mamat, I. (2019). Kesan Aliran Epistemologi Barat Modern terhadap Umat Islam. *Jurnal al-Ummah*, 1, 121-131.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Pearson Prentice Hall.
- Mas’od, M. A. (2012). Serangan Ideologi Barat terhadap Pemikiran Umat Islam dan Implikasinya kepada Iman. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 25, 99-118.

- Meerangani, K. A. & Amizi, A. S. (2019). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat di Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Daerah Petaling. *Jurnal of Fatwa Management and Research*, 18(3), 1-15.
- Meerangani, K. A. (2019). The Effectiveness of Zakat in Developing Muslims in Malaysia. *Journal of Islam and Humanities*, 3(2), 127-138.
- Mohamed, N. & Mat, M. Z. (2017). Islah sebagai Pendekatan Pembangunan Masyarakat: Kajian Terhadap Pemikiran Muhammad Rashid Rida. *Sains Insani*, 2(2), 98-105.
- Muhammad, A. (1971). *al-Fikr al-Islami fi Tatawwurihi*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Muhammad 'iwazHaykal. (2007). *Kifayat al-akhyar*. Cairo: Dar al-Sallam.
- Muhammad, Abdullah Abudl al-Muhsin al-Turky & Abdul al-Fatah al-Hilwa. (1997). *al-Mughni*. Riyadh, Kingdom of Saudi: Dar Ilmi al-Kutub.
- Muhsin, A. H. (1987). *al-Fikr al-Islami: Taqwimuhu wa Tajdiduhu*. Baghdad: Maktabat Dar al-Anbar.
- Muin, A. U. (2012). *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Mustafa al-Khin & Mustafa al-Bugha. (1992). *Fiqh al-Minhaji ala MAzhabi al-Imam al-Syafii*. Damasyik: Dar al-Qalam.
- Nata, A. (2012). *Pemikiran Pendidikan Islam dan Barat*. Jakarta: PT. Rajagrafindo.
- Neuman, L. W. (2003). *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn Bacon.
- Nizar, S. (2007). *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta: Kencana.
- Noordin, S. (2011). *Sejarah Pemikiran 1: Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Noordin, S. (2013). *Sejarah Pemikiran 2: Akal dan Wahyu, Manhaj Ahli Sunnah, Muktazilah dan Modernisme*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Nor, M. R. M. (2011). Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden. *Jurnal Al-Tamaddun*, 6, 107-121.
- Ramli, W. A. W. & Majid, M. K. A. (2005). Pemikiran Islam: Suatu Analisis Konseptual Kontemporeri. *Jurnal Usuluddin*, 22, 1-26.
- Robinson, Marguerita S. (2002). *The Microfinance Revolution: Volume 2, Lessons from Indonesia*. Washington: World Bank.
- Ryan, Scapens, & Theobold. (2002: 137). *Research Method and Methodology in Finance and Accounting* (Second Edition). London. Thomson.
- Sekaran. (2005). *Research Method For Business: A Skill Building Approach*. John Wiley & Sons Inc.
- Stoddard, L. (1966). *Dunia Baru Islam*. Terj. Jakarta: Penerbitan Menko Kebajikan.
- Syahatah, H. H. (1994). *Ahkam al-Zakah*. Cairo: al-Madain.
- Syahatah, H. H. (2006). *Fiqh al-Tatbiq al-Elzami Lil Zakah 'Ala Mustawa al-Daulah*. Cairo: Buuth Wa Dirasat fi al-Fikr al-Iqtisadi al-Islami.
- Syahatah, H. H. (2003). Terj. Hamid FahmyZarkasyi dan HarunAr-Rashid Hj. Tuskan. (*Kaedah Agihan Zakat Harta, Pengertian, Sistem dan Agihannya 2003*). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Syahatah, H. H. (2015). Temu bual Dijalankan Di Pejabat Rasmi Dar al-Mashoroh. Nasr City, Cairo, Egypt. Pada 13 Oct 2015.

- Tahir, H. M. & Ahmad, S. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Tarimin, M. (2011). Produk Mikro Kredit Menggunakan Dana Zakat: Satu Sorotan Hukum. Selangor: Akademi Zakat Selangor.
- Wahbah Wahbah al-Zuhaili, (1994). Terj. Md. KhirHj. Yaacob, at el, *Fiqh& Perundangan Islam*, Jld. III, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaacob, M. N. (2020). Serangan Ideologi Moden: Realiti Umat Islam Masa Kini. *Jurnal KIAS*, 12(1), 86-113.
- Yusoff, A. M., Yaacob, M. N. & Noor, N. M. (2021a). Konsep Ideologi Moden dan Sejarahnya: Satu Pengenalan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(35), 9-16.
- Yusoff, A. M., Yaacob, M. N. & Hussin, N. M. (2021b). Keprihatinan Umat Islam terhadap Ancaman Ideologi Moden: Satu Keperluan. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4(15), 71-80.
- Yusuf al-Qardawi (2003). *Fiqh al-Zakat: DirasatuMuqaranah lil Ahkamiha wa Falasafatiha fi zhoul'I al-Quran wa al-Sunnah*. Cairo: Maktabah Wahabah.
- Zain, A. M. & Bakar, M. A. (2007). Pemikiran Politik Sayyid Jamal al-Din al-Afghani Mengenai Konsep Pembinaan Peradaban Ummah dan Respons Masyarakat Terhadapnya. *Jurnal Pengajian Umum*, 8, 31-50.
- Zakariya, H. (2019). Kegemilangan tamadun Islam dan sumbangannya terhadap pembinaan tamadun Barat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(2), 43-57.